

## KAWALAN PERUNDANGAN TERHADAP PEMAKANAN HALAL DI MALAYSIA

### *Legal Control of Halal Food in Malaysia*

Setiyawan Gunardi <sup>1a\*</sup>, Mohd Soberi Awang<sup>2b</sup>, Mohd Mahyeddin Hj Mohd Salleh<sup>3c</sup> & Mustafa 'Afifi Ab.Halim<sup>4d</sup>, Muneer Ali Abdul Rab<sup>5e</sup>

<sup>a</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 71800 Nilai, Negeri Sembilan,  
 Emel: [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)

<sup>b</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 Emel: [soberi@usim.edu.my](mailto:soberi@usim.edu.my)

<sup>c</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 Emel: [mahyeddin@usim.edu.my](mailto:mahyeddin@usim.edu.my)

<sup>d</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 Emel: [afifi@usim.edu.my](mailto:afifi@usim.edu.my)

<sup>e</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,  
 Emel: [muneerali@usim.edu.my](mailto:muneerali@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)

Received: 29/03/2022

Accepted: 20/5/2022

Published: 27/05/2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no3.455>

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Makanan dan minuman merupakan satu rangkaian keperluan manusia yang diperbahaskan dalam Syariah dengan merujuk kepada hukum halal dan haram. Makanan dan minuman halal tayyiban amat diambil perhatian dalam tuntutan syariat, kerana memberi kesan kepada jasmani dan rohani. Oleh itu, perlu bagi manusia membuat pemilihan makanan dan minuman halalan tayyibin sebagaimana dikehendaki oleh syariah. Walau begitu, menentukan status makanan dan minuman tersebut juga perlu dikuatkan dengan undang-undang bagi melindungi status halalan tayyibin berkekalan dari masa ke masa. Tujuan kajian ini untuk mendedahkan parameter penentuan halal dan haram dalam makanan dan minuman menurut kajian halal Syariah</i></p>	<p><i>Food and beverages are a network of human needs that are debated in Shariah by referring to halal and haram laws. Halalan Tayyiban's food and beverages are noticed in the demands of the Shariah, as it affects the physical and spiritual. Therefore, humans must make Halalan Tayyiban's food and beverage selection as Shariah required. However, determining the status of the food and beverage should also be strengthened with the law to protect the status of Halalan Tayyiban's persistence lasting over time. The purpose of this study is to expose halal and haram parameters in food and beverages following Halal Shariah and Malaysian Halal laws. This paper used qualitative methods analyzed based on the findings of literature data from the Qur'an, hadith,</i></p>

<p>dan perundangan Malaysia. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif yang dianalisis dengan berdasarkan dapatan data kepustakaan daripada al-Quran, Hadith, pandangan ulama dan cendikiawan Islam, dan artikel jurnal ilmiah, serta akta perundangan. Kajian ini mendapati bahawa makanan dan minuman halalan tayyiban di Malaysia telah menepati tuntutan Syariah dan perundangan. Implikasi kajian ini memperkasa barang gunaan dapat digunakan dengan selamat dan baik.</p> <p><b>Kata kunci:</b> makanan dan minuman, halalan tayyiban, halal syariah, perundangan Malaysia, barang gunaan</p>	<p>Islamic scholars, and scholarly journal articles, as well as the Legislative Act. This study found that Halalan Tayyiban's meals and beverages in Malaysia have met Shariah's claims and legislation. The implications of this study empowered consumables that can be used safely and well.</p> <p><b>Keywords:</b> food and beverages, halalan tayyiban, Halal Syariah, Malaysian Legislation, goods</p>
---	---

## 1. PENDAHULUAN

Parameter Syariah adalah asas dalam menentukan makanan dan minuman sama ada ianya halal ataupun haram, sehingga boleh mendatangkan kemaslahatan kepada seluruh manusia dalam menjalani kehidupan di muka bumi. Halal bermaksud perkara yang dibenarkan oleh Allah SWT untuk digunakan secara bebas tanpa terikat dengan perkara lain, selagi ianya tiada larangan syariah. Manakala haram pula ialah perkara yang ditegah dalam syariah mengikut ketentuan Allah. Oleh itu, syariat menuntut agar manusia dapat mengambil perhatian terhadap segala perkara itu selamat untuk digunakan dan dapat memperolehi keberkatan Allah Taala.

Manusia sebagai hamba Allah SWT perlu menentukan pemilihan makanan *Halalan Tayyiban* iaitu halal lagi baik, sebagaimana yang ditentukan Syariah. Perintah Allah ini akan memberikan keselamatan kepada seluruh manusia, sama ada orang Islam mahupun orang bukan Islam, kerana ianya berguna untuk menjaga kesihatan tubuh badan manusia. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah 2: 168, yang maksudnya:

*Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu*

Perintah Allah ini ditujukan kepada semua manusia untuk mengambil makanan yang dibenarkan oleh Allah SWT sepanjang menjalani kehidupan, melainkan makanan yang tidak dibenarkan untuk dijadikan sebagai makanan.

Pemilihan makanan bergantung kepada manusia dalam memilih sesuatu yang akan dimakan atau tidak dimakan dengan berdasarkan kepada tuntutan Syariah. Sudah semestinya, pengambilan makanan dan minuman tidak diizinkan disebabkan ianya mengikuti tipu daya syaitan. Syaitan adalah musuh manusia dan boleh memesongkan kehidupan yang baik. Ia sentiasa akan membuat kesesatan, sehingga memutuskan sesuatu perkara bersandarkan keputusan sendiri, dan tidak merujuk kepada ketentuan dan peraturan Allah SWT.

Pengambilan makanan dan minuman berkemungkinan berhadapan dengan isu yang berkaitan dengan sumbernya. Oleh itu, perlu pendedahan sumber tersebut agar pengguna dapat menggunakan dengan penuh keyakinan kehalalannya. Manakala dari aspek statusnya, logo halal telahpun dikawal oleh JAKIM dengan menyediakan parameter halal sebagai rujukan dalam menentukan status halalnya. Masyarakat dan industri telah dapat menjalankan perniagaan dengan berdasarkan kepada panduan ini. Justeru itu, kaedah penentu pemilihan makanan perlu diperhebatkan lagi sebagai promosi bagi mencari jalan penyelesaian secara mendalam (Setiyawan et.al., 2021).

## 2. PENGERTIAN HALAL DAN HARAM DARI SUDUT KONSEP

Perkataan “Halal” diambil daripada bahasa Arab yang membawa maksud kepada sesuatu yang dibenarkan dan boleh diterima untuk digunakan (Kamus Dewan, 2002; Munjid al-Tulab, 1987). Menurut al-Mawsu’ah al-Fiqqiyyah al-Kuwaitiyyah (1410H) menerangkan perkataan “Halal” dari sudut Fiqh Islam, iaitu pilihan sesuatu barang yang dibenarkan digunakan oleh Syariah Islam.

Manakala perkataan “Haram” pula adalah perkara yang sama sekali tidak dibenarkan untuk dipergunakan atau sesuatu perkara yang dilarang (Kamus Dewan, 2002). Mengikut al-Mawsu’ah al-Fiqqiyyah al-Kuwaitiyyah (1410H), “Haram” dari sudut Fiqh Islam membawa pengertian kepada perkara-perkara yang perlu dijauhi dengan berdasarkan kepada ketentuan Syariah.

Halal dan haram, adalah dua istilah daripada sebahagian prinsip-prinsip Fiqh yang perlu diambil perhatian. Bertukarnya halal kepada haram atau sebaliknya adalah dengan mengikut kepada situasi, tempat, dan masa pada ketika itu. Oleh itu, perlu akan mekanisme ijтиhad fiqh dalam memutuskan sesuatu perkara ketika terdapat perbezaan (Anas et. al. 2010).

Masyarakat Islam dalam mengambil makanan atau produk yang akan dimakan mesti merujuk kepada konsep *Halalan Tayyiban*. Pada hakekatnya,

makanan halal adalah tidak berbeza dengan makanan lain, hanya secara sifat, teknik memprosesan ramuan, mengendalikan pergerakan barang, pengumpulan bahan mentah hingga menjadi sesuatu produk perlu menggunakan teknik yang efisien dan mengikut prinsip Syariah. Status makanan dalam Islam wajib berpegang kepada prinsip *Halalan Tayyiban* sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran dan hadith. Pada masa yang sama juga perlu menjelaskan bahawa sesuatu barang itu haram adalah tidak dibenarkan dari konsepnya.

Rasulullah SAW pernah ditanya tentang hukum lemak, keju dan keldai hutan, lalu Baginda SAW menjawab: *Yang halal adalah sesuatu yang Allah halalkan dalam kitabNya dan yang haram adalah yang Allah haramkan dala kitabNya. Sedang apa yang Allah diamkan, maka dia itu salah satu yang Allah maafkan buat kamu.* (Riwayat al-Tirmizi #1726 dan al-Baihaqi #19391)

Halal dapat difahami sebagai perbuatan yang berimplikasi kepada individu untuk bebas membuat pemilihan. Seterusnya, pelaksanaannya tidak dikenakan hukuman. Surianom Miskan et.al. (2015) berpandangan bahawa pengenalan terhadap Halal hendaklah melalui hujjah yang terang dengan merujuk kepada prinsip Syariah dan juga disebut sebagai *ibahah (harus)*.

Pembangunan konsep Halal mesti mengikut keperluan seorang Muslim yang mempunyai produk dengan kebenaran dan sah dari segi agama. Oleh sebab itu, setiap produk yang patuh pada prinsip Syariah Islam dapatlah disebut sebagai Halal. Kepatuhan Syariah merupakan asas dalam mengeluarkan produk Halal. Piawaian Malaysia/Malaysian Standard (MS)1500: 2009 juga menjelaskan definisi istilah Halal adalah sesuatu perkara atau tindakan yang dibenarkan oleh hukum Islam tanpa menjatuhkan hukuman ke atas pelaku '(Department of Standards Malaysia, 2009 item 2.3).

### 3. PERKATAAN HALAL DAN HARAM DALAM AL-QURAN DAN SUNNAH

Setiap amalan perlu menyebut nama Allah, kerana ianya menunjukkan bahawa amalan tersebut bertujuan untuk ibadah kepada-Nya. Maksud perkataan Halal adalah sesuatu yang dibenarkan untuk dikerjakan secara hukum Islam. Manakala Haram adalah sesuatu perkara, objek dan perbuatan yang tidak dibenarkan untuk dilakukan sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan sunnah. Perintah Allah ini dalam al-Quran yang diperuntukkan untuk semua manusia, sama ada umat Islam dan bukan Islam melalui pengambilan makanan halal lagi baik, dalam istilah Arab disebut sebagai *Halalan Tayyiban*. Kefahaman tentang perintah Allah ini dapat dilihat dalam

surah al-Baqarah, 2: 168 seperti mana telah dijelaskan sebelum ini. Juga terdapat di surah al-Maidah, 5: 5, yang maksudnya:

*Pada masa ini dihilalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik.*

Pengambilan makanan tidak hanya sekadar memilih produk Halal semata-mata, tetapi juga perlu akan ciri *Tayyiban* (baik dan bersih), sebagaimana telah dijelaskan di atas yang selari dengan tuntutan Syariah. Penjelasan terhadap ayat-ayat Al-Quran ini, dapat diringkaskan melalui objektif asasi Syariah Islam iaitu "Halalness". Tujuannya agar manusia dapat dijauhkan daripada penyakit. Pengambilan makanan atau minuman *Halal* yang boleh menjelaskan kesihatan tubuh manusia adalah tidak dibenarkan sekalipun diperkuat dan diperjelas dengan bukti saintifik.

Al-Quran dan hadith merupakan rujukan utama yang dijadikan sebagai garis panduan asas mengenai status makanan Halal. Orang Islam dibenarkan mengkonsumsi makanan baik dan bersih, melainkan bangkai dan binatang mati, darah yang mengalir, babi, binatang yang disembelih tanpa menyebut nama Allah, haiwan yang dibunuh dengan cara menghalang darah itu mengalir sepenuhnya daripada bangkai dan penyembelihan yang tidak menyebut nama Allah. Juga penggunaan alkohol dan ubat-ubatan, haiwan karnivora yang bertaring, burung bercakar tajam dan binatang kotor juga dilarang. Larangan ini telah dijelas oleh saintis melalui pendekatan kefahaman ilmu sains. Bangkai dan daging binatang mati adalah mudarat bagi tubuh badan sebab kimia yang digunakan untuk proses pembusukan dapat memudaratkan kesihatan. Selain itu, juga terdapat larangan meminum darah kerana mengandungi bakteria, racun dan produk metabolisme (Awan, 1988).

#### **4. PRINSIP-PRINSIP HALAL DAN HARAM DALAM PENGAMBILAN MAKANAN DAN MINUMAN HALALAN TAYYIBAN**

Islam mempunyai prinsip asas dalam memastikan status perkara sama ada ianya halal mahupun haram. Kehidupan Muslim tertakluk bagaimana mengambil pemakanan *Halalan Tayyiban*. Pemakanan meliputi makanan dan minuman yang menjadi keperluan kehidupan. Prinsip-prinsip asas dalam perkara yang melibatkan status halal dan haram adalah sebagaimana berikut:

##### **a. Asal Tiap-Tiap Sesuatu Adalah *Harus***

Prinsip asas yang ditetapkan oleh Syariah adalah berkaitan menetapkan sesuatu hukum yang menjadi amalan dan perbuatan

manusia adalah prinsip: "Asal setiap sesuatu adalah harus" (al-Nadwi, 1994). Hukum *harus* ini membawa makna kepada dibenarkan untuk dilakukan, melainkan jika terdapat dalil yang menunjukkan haramnya sesuatu perkara tersebut. Ketentuan nas adalah sumber dalam menetapkan hukum, ketiadaan nas yang kukuh dan kewujudan dalil yang tidak akurat atau hadith yang lemah maka akan dirujuk kepada prinsip asas yang dihukumkan *harus*.

Al-Qardawi (1993) telah menjelaskan bahawa menentukan hukum adalah mengikut kepada ketetapan hukum asal iaitu *harus*. Menentukan makanan dan minuman *Halalan Tayyiban* termasuklah bidang muamalah dengan berpegang kepada hukum *harus*. Selagi tidak wujud unsur haram, maka ianya boleh dikategori sebagai Halal. Oleh itu, penjagaan makanan dan minuman ini amat penting bagi kehidupan seorang Muslim untuk mendapatkan keberkatan Allah.

### b. Apa Sahaja Yang Membawa Kepada Haram Adalah Haram

Setiap orang Islam mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian terhadap maslahat yang mengandungi *Maqasid Syariah*, seperti melindungi agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Pengambilan makanan dan minuman memberi impak yang sangat besar terhadap salah satu daripada lima *Maqasid Syariah* ini, seperti pengambilan makanan halal merupakan perintah Allah yang wajib ditaati oleh hambaNya agar dapat menjaga kesucian agama. Orang Islam yang menjaga pemakanan halal secara automatik akan menjaga agama yang sentiasa mengekalkan status halal. Status *Halalan Tayibban* boleh menjaga dan memelihara lima Maqasid, manakala status Haram malah akan merosakkan lima *Maqasid Syariah*. Pengambilan makanan haram merupakan larangan agama, dimana sekiranya orang Islam melakukan perkara ini akan menjelaskan agama. Walhal, agama mengambil perhatian terhadap kemaslahatan manusia dalam beristiqamah mentaati perintah Allah. Juga makanan haram dapat memudaratkan kesihatan badan dan nyawa, serta akal kerana perkara haram akan menghasilkan perkara yang haram. Ketika nyawa dan akal dipengaruhi dengan makanan haram, maka akan memberi kesan yang hanya mengikuti hawa nafsu. Sementara hawa nafsu sentiasa menyuruh kepada perbuatan yang jahat. Makanan haram juga dapat memberi kesan buruk kepada keturunan, sehingga dapat menjadikan zuriat berperangai jahat. Orang-orang salih sentiasa menjaga keturunan agar tidak diberi makanan haram, sehingga boleh melahirkan zuriat yang salih juga. Selain itu, juga perlu mengelak pemakanan haram atau memakan makanan yang bukan

hak milik, kerana ia termasuk pengambilan harta secara batil. Jelasnya, *Halal* atau *Haram* wajib dikenalpasti sumber, kedudukan dan hukumnya sehingga dapat mencapai apa yang dikehendaki Allah.

Pengharaman yang telah Allah tetapkan akan turut membawa perkara tersebut kepada yang haram. Oleh itu, perlu mengambil langkah berhati-hati dalam perkara Haram sehingga boleh menjaga dan mengekalkan perkara Halal secara berterusan.

### c. Sesuatu Yang Halal Tidak Memerlukan Yang Haram

Hukum Islam bersifat universal, di mana ianya boleh diamalkan sepanjang zaman dan di manapun berada. Ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang anjal sampai bila-bila dijadikan sebagai rujukan asasi. Bahkan agama syumul dalam memberi jalan penyelesaian terhadap semua isu yang berbangkit pada sesuatu masa. Termasuk juga urusan makanan dan minuman yang diperlukan orang Islam dalam memenuhi kehidupan yang melibatkan status *Halalan Tayyiban*. Makanan haram bagi orang Islam juga diharamkan oleh Allah Taala dan kemudian diganti dengan makanan *Halalan Tayyiban*. Pengambilan makanan halal adalah sesuatu yang lazim dan diperlukan dalam menjalani kehidupan, manakala makanan yang haram, seperti arak dan bangkai adalah tidak diperlukan.

Ibn al-Qayyim (t.th) berpandangan bahawa sesungguhnya amalan tenung nasib telah diharamkan oleh Allah Taala dan kemudian diganti dengan doa dan istikhara. Oleh itu, umat Islam wajib mengamalkan doa kepada Allah ketika akan meminta sesuatu daripadanya. Pada masa yang sama, tidak perlu mengamalkan tenung nasib, misal datang kepada bomoh untuk meminta sesuatu daripadanya, kerana amalan ini adalah haram yang sudah tidak diperlukan dan wajib ditinggalkan.

Amalan riba telah diharamkan oleh Allah Taala dan kemudian diganti dengan perniagaan atau jual beli yang dihalalkan. Umat Islam perlu melakukan jual beli yang telah dihalalkan oleh Allah dan perlu meninggalkan riba, kerana ia diharamkan. Jelasnya, ketika terdapat amalan yang halal, iaitu jual beli/perniagaan maka wajib melakukannya, sedang yang haram tidak diperlukan, iaitu amalan riba tidak diperlukan.

#### d. Mengharamkan Sesuatu Adalah Sesuai Dengan Keburukan Dan Kemudaratan

al-Zuhayli (1997) menjelaskan sesungguhnya Islam telah mengharamkan sesuatu sama ada disebabkan oleh zat atau faktor-faktor yang berhubungkait dengannya. Ini mempunyai tujuan untuk menjauhkan keburukan dan kemudaratan yang wujud pada sesuatu perkara yang berkemungkinan berlaku pada individu, masyarakat dan agama. Jadi, pada hakekatnya Allah telah mengharamkan sesuatu itu berdasarkan kepada keburukan dan kemudaratan. Makanan dan minuman haram akan mendatangkan kemudaratan, seperti hilangnya keberkatan Allah dan menjaskan kesihatan tubuh badan. Walhal, manusia suka kepada kebaikan berbanding kepada keburukan. Penjagaan makanan dan minuman *Halal* perlu diambil perhatian lebih khusus lagi, sehingga tidak terjatuh kepada perkara yang *Haram*.

### 5. SUMBER MAKANAN DAN MINUMAN HALALAN TAYYIBAN

Allah Taala menciptakan tumbuh-tumbuhan dan binatang di muka bumi sebagai sumber utama makanan dan minuman yang diperuntukkan kepada kehidupan manusia. Setiap tumbuh-tumbuhan mempunyai pelbagai jenis, demikian juga binatang mempunyai pelbagai jenis spesies, yang mana sebahagiannya dihukumkan Halal dan sebahagian lain pula dihukumkan Haram. Wahab (2004) mengatakan bahawa hukum Halal dan Haram merupakan ketetapan dan ketentuan Allah yang berguna untuk kemaslahatan manusia.

#### a. Tumbuh-tumbuhan

Jenis tumbuh-tumbuhan dari aspek ciptaan semula jadi dan produktiviti dihukumkan Halal, iaitu dibenarkan bagi kegunaan keperluan kehidupan. Walau begitu, sekiranya tumbuh-tumbuhan tersebut mengandungi racun dan unsur memabukkan dan faktor memudaratkan kesihatan, maka tidak dibenar atau dihukumkan Haram. OIC (2009) telah memutuskan bahawa tumbuh-tumbuhan dan produkvitinya dihukumkan Halal, melainkan jika terdapat unsur racun dan mengeluarkan zat berbahaya.

#### b. Binatang

Dari segi jenis, binatang terdiri daripada dua kategori utama seperti disenaraikan dalam Jadual 1, iaitu: binatang darat dan binatang air

**Jadual 1: Kategori Utama Binatang**

<b>Binatang Darat</b>	<b>Binatang Air</b>
<p>Semua binatang darat dibenarkan untuk dimakan (Wahab, 2004) <b>melainkan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Binatang yang tidak disembelih mengikut penyembelihan Islam.</li> <li>b) Babi.</li> <li>c) Anjing.</li> <li>d) Binatang karnivor (pemangsa) yang membunuh dan memakan haiwan lain, seperti harimau, beruang, gajah dan haiwan lain yang sama dengannya.</li> <li>e) Burung yang mempunyai cakar atau burung yang memberi makan dengan cara meragut dan merobek, seperti helang dan burung lain yang serupa. (Pemulung dan burung pemangsa).</li> <li>f) Binatang yang dibenarkan untuk dibunuh dalam Islam seperti tikus, lipan, helang, kala jengking dan haiwan lain yang serupa dengannya.</li> <li>g) Binatang dan serangga yang dilarang untuk dibunuh dalam Islam, seperti semut, lebah dan pelatuk dan binatang lain.</li> <li>h) Binatang yang menjijikkan pada umumnya seperti kutu, lalat, belatung dan haiwan lain yang sama dengannya.</li> </ul>	<p>Binatang air adalah binatang yang hidup hanya di air sahaja, hukumnya Halal dimakan melainkan terdapat unsur racun, elemen mabuk, dan mudarat ke atas kesihatan manusia (Wahab, 2004).</p>

## **6. RAMUAN MAKANAN DAN MINUMAN HALALAN TAYYIBAN**

Memproses makanan dan minuman dengan kandungan ramuan yang telah ditetapkan, iaitu bermula daripada bahan mentah sehingga menjadi sesuatu produk, agak sukar dipastikan status halalnya berkekalan. Pemeriksaan label dan pembungkusan sesuatu produk amat penting bagi

menetapkan status halal tersebut sah dan benar dengan perakuan halal. Ketiadaan perakuan halal akan mengakibatkan senarai ramuan dan bahan tersebut dikategorikan sebagai haram, seperti gelatin, ekstrak vanila (tulen atau buatan), lipase, pepsin dan alkohol. Juga produk mentega asin, produk gula-gula, dan lain-lain yang tercemar DNA babi. Namun begitu, memang sukar dielakkan jika berlaku pencemaran terutama pencemaran silang yang tidak disengaja. Pengawalan dan penjagaan produk halal perlu dilakukan sepanjang masa dan di mana ianya berada.

## 7. PEDOMAN PENGAMBILAN MAKANAN HALALAN TAYYIBAN DI MALAYSIA

Malaysia amat mengambil perhatian terhadap pengambilan makanan yang akan dipasarkan kepada pengguna, khasnya bagi Muslim. Produk halal hendaklah menggunakan logo “Halal” dengan mengambil kira cara memproses makanan dan barang dipantau secara prinsip Syariah. Sebutan “Halal” mengandungi makna: “Dibenarkan”, atau “Halal Bertauliah”, atau “Makanan untuk Muslim”, dimana ianya merupakan logo yang diurustadbir oleh Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Zakiah Samori et.al. (2014) menjelaskan bahawa pengeluaran makanan di Malaysia diproses dengan syarat asas, dimana telah ditetapkan melalui satu standard sebagai pedoman dalam industri makanan dari segi penyediaan dan pengendalian makanan halal yang dilihat dari awal proses dalam memilih bahan mentah sehingga diedar dan dipasarkan.

Umat Islam sebagai pengguna diwajibkan untuk mengambil makanan dan barang halal. Sekiranya, umat Islam dan pengeluar produk Halal tidak atau kurang mengetahui dan tidak memahami serta tidak menyedari terhadap konsep Halal, maka akan menjaskan status Halal.

Makanan *Halalan Tayyiban* mesti dikeluarkan dengan mengambil berat mengenai aspek kebersihan, kesihatan dan jauh daripada pencemaran, kerana ianya merupakan isu asas bagi produk. Perlu kepada penyediaan pedoman yang dapat memberi penjelasan dan penafsiran tentang halal dan haram kepada para pengeluar produk, sama ada Muslim ataupun bukan Muslim, dengan mengikuti kepada kehendak Syariah Islam. Wahab (2004) telah mengatakan kesemua ini meliputi makanan, minuman, sembelihan, barang gunaan dan peralatan yang digunakan oleh orang Islam. OIC (2009) memaklumkan bahawa peraturan perakuan makanan Halal mesti dipatuhi oleh semua organisasi dari segi standard dengan mengikuti pedoman tersebut.

## 8. PENGGUBALAN PERUNDANGAN MAKANAN HALALAN TAYYIBAN DI MALAYSIA

### a. Hukum Islam

Fiqh Shafie menjadi sumber hukum Islam, yang diikuti seterusnya oleh fiqh Hanafi, fiqh Maliki dan fiqh Hanbali di bawah persetujuan Raja dan penguatkuasaan Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang atau Raja lain meluluskan dengan penguatkuasaan negeri-negeri lain di Malaysia. Al-Quran, Hadis, Ijma 'dan Qiyas juga dirujuk sebagai sumber Islam untuk menetapkan hukum ke atas sesuatu isu makanan. Hukum Islam menetapkan dan menafsirkan status Halal atau Haram terhadap bahan makanan sebagaimana dijelaskan di salah satu sumber ini. Al-Quran merupakan sumber utama hukum Islam yang ditentukan dan ditetapkan oleh Allah Taala.

### b. Hukum Islam berkaitan najis/kekotoran

Islam tidak membenarkan penggunaan makanan, minuman, pakaian dan lain-lain yang mengandungi najis, kerana ianya tidak bersih. Wahab (2004) menjelaskan bahawa Islam telah menjelaskan najis sebagaimana berikut:

- Bahan seperti Babi, Darah dan Karkas (Carrion) yang kotor dengan sendiri dan tidak boleh diterima sebagai bersih.
- Bahan bersih yang dicemari oleh kotoran dan tidak dapat disucikan.
- Bahan yang tercemar oleh kotoran dan tidak boleh disucikan.

### c. Rujukan Normatif

Penerapan standard perlu merujuk kepada dokumen ini sebagaimana yang dimaktubkan pada edisi terbaru dan terpakai sebelum ini, iaitu:

- CODEX STAN 1, Piawaian umum untuk pelabelan makanan yang dikemas,
- CAC / RCP 1, Kod amalan antarabangsa yang disyorkan prinsip umum kebersihan makanan,
- CAC / RCP 58, Kod amalan kebersihan daging,
- ISO 22000, Sistem pengurusan keselamatan makanan - Keperluan untuk mana-mana organisasi dalam rantai makanan,
- ISO 22005, Kebolehlacakan dalam rantai makanan dan makanan - Prinsip umum dan keperluan asas untuk reka bentuk dan pelaksanaan sistem (OIC, 2009).

## 9. PENSIJILAN MAKANAN HALAL TAYYIBAN MENURUT PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Setiap negara mempunyai sistem pensijilan dan standard yang berbeza-beza, walau begitu terdapat usaha untuk mensemperbaiki sistem berkenaan di peringkat OIC yang digerakkan oleh negara-negara Islam, tetapi usaha ini belum dapat dilaksanakan kerana kekangan yang timbul (Ab Halim & Salleh, 2012). Ab Halim & Salleh (2018) menjelaskan bahawa sistem pensijilan di Malaysia telah diseragamkan dan dibebankan tanggungjawab ini di bawah selian JAKIM dengan bekerjasama institusi MAIN dan JAIN. Pemprosesan dan prosedur pembikinan makanan perlu dipastikan mengikut hukum Syariah, sebelum mendapatkan logo Halal dilabelkan pada sesuatu produk makanan.

Sesungguhnya Malaysia telah dikenal sebagai salah satu pusat halal dunia, bahkan negara berpenduduk terbesar pertama yang berhasrat mengembangkan sektor halal. Hal ini, menunjukkan bahawa sektor halal diyakini dapat berpotensi dalam mempertingkatkan ekonomi negara dan merupakan satu perancangan ekonomi jangka panjang. Malaysia bercita-cita menjadi negara pertama yang berkeinginan menjadikan satu hab halal global. Agensi khusus telah ditubuhkan dalam melakukan pemantauan industri halal dan plan rancangan ini dapat dikembangkan dalam sektor halal di peringkat nasional. Syarikat pengendali industri halal yang dimiliki Muslim dan bukan Muslim perlu mempertingkatkan minat dalam menggerakkan sektor halal yang komprehensif. Pengembangan industri pada saat kini juga berhadapan dengan isu manipulasi logo halal dan pemalsuan logo halal demi menarik lebih ramai lagi pengguna Muslim sebagai pembeli produk berkenaan. Keuntungan besar akan dicapai oleh industri ketika majoriti pengguna Muslim di negara ini dengan membuat pemasaran produk kepada masyarakat Islam. Oleh itu, perlu akan perundangan yang mengawal pengeluar produk halal, sebab makanan yang akan dijual adalah dihasilkan oleh pengeluar bukan Islam.

Perundangan pensijilan halal ini bertujuan untuk:

- a. Melindungi hak pengguna
- b. Memastikan pengeluar produk halal mempunyai moral dalam menjalankan perniagaan dengan ikhlas, adil, mesra dan telus terhadap pengguna.
- c. Memudahkan makanan halal dapat diperdagangkan dan dipasarkan di peringkat tempatan dan global.

Pengeluar makanan halal daripada syarikat Muslim dan buka Muslim akan merujuk kepada perundangan ini sebagai pedoman. Ab Halim & Salleh (2020) mengatakan bahawa perlindungan hak pengguna atau pelanggan produk halal perlu dipastikan mengikuti konteks pensijilan halal dan etika-etika yang telah digariskan oleh Islam, seperti maklumat benar berkaitan produk halal yang akan dibeli. Oleh itu, pemilihan produk halal yang dibuat oleh pelanggan dengan melihat logo halal yang dipaparkan di setiap produk halal adalah perkara yang penting.

### **9.1 Akta Perihal Dagangan 2011: "Kementerian Perdagangan Dalam Negeri daan Hal Ehwal Pengguna"**


Penguatkuasaan perundangan ini dilaksanakan melalui kerjasama bersama beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Veterinar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mana JAKIM bertindak sebagai ketua di peringkat negara dan Jabatan Agama Negeri menjadi sebagai ketua di peringkat negeri. Dibawah Seksyen 28 dan 29 Akta Perihal Dagangan 2011 membenarkan Menteri membuat Perintah Perihal Dagangan 2011. Di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penanda Halal) 2011 membenarkan penggunaan istilah "Halal" atau "Dijamin Halal" atau "Makanan Islam" dalam hubungan dengan makanan tersebut menunjukkan bahawa pengambilan makanan dibenarkan oleh agama Islam kepada umat Islam. Pendefinisian makanan halal di bahagian tiga perintah ini sama seperti yang dinyatakan oleh Manual Prosuder Pensijilan Halal Malaysia 2020. Ini menunjukkan bahawa pensijilan halal di Malaysia hanya boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa sahaja di bawah perintah ini.

#### **a. Pihak Berkuasa Berwibawa**

Di Malaysia, terdapat isu berkaitan makanan halal yang memerlukan keterlibatan pelbagai agensi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan pihak berkuasa berwibawa di bawah Perintah 3, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, yang bertujuan untuk membuat pensijilan halal. Jika terdapat makanan halal yang disalahgunakan dan bidang kuasa terbabit terlibat dalam isu penyalahgunaan ini, maka peranan agensi-agensi lain amat diperlukan dalam mencari jalan penyelesaian. Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan mempunyai bidangkuasa dalam menangani isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan keselamatan dan kebersihan makanan. Kompoun boleh dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011

dan diambil tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), jika terdapat kesalahan di bawah peruntukan perihal dagangan.

Pelabelan halal di Malaysia mengalami perubahan besar yang menjadi ruang dan kuasa perundangan. Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 menjadi dasar bagi JAKIM/JAIN/MAIN dalam mengeluarkan sijil halal, ini bermakna pensijilan produk makanan tidak dapat diletakkan logo halal sewenang-wenangnya. Ketika hanya JAKIM/JAIN/MAIN sahaja yang mempunyai kuasa berwibawa dalam pensijilan halal di Malaysia, maka ini merupakan cabaran dalam lanskap pensijilan halal Malaysia. Kee Sin, Timbalan Presiden Kebangsaan SMI Association of Malaysia membuat kritikan dengan keperduliannya bahawa urusan pensijilan halal tidak akan mampu dikendalikan oleh JAKIM/JAIN/MAIN dari aspek pelaksanaannya. Hal ini, terdapat masalah yang dialami dalam permohonan dan pembaharuan sijil halal walaupun tujuh (7) syarikat pensijilan halal telah mengawal selia di bawah mandat oleh JAKIM sebelum berlaku pindaan Akta Perihal Dagangan 2011 (Council, t.th.). Kritikan beliau ini dibantah kerana pensijilan halal yang dikendalikan pihak berkuasa berwibawa bertujuan agar dunia mengiktiraf Malaysia mempunyai reputasi dan kualiti halal yang terkawal selia dengan baik dan progresif oleh agensi kerajaan, iaitu JAKIM berbanding syarikat swasta yang mengawal selia sebelum pindaan kepada Akta Perihal Perdagangan 2011 dalam menguruskan pensijilan halal (Liow 2009, 52).



**Rajah 1** Agensi-Agenzi Pensijilan Halal di Malaysia

Pensijilan halal di Malaysia (Rajah 1), sememangnya proses permohonannya melibatkan pelbagai agensi, iaitu:

- a) JAKIM/JAIN/MAIN
- b) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- c) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK).
- d) Jabatan Kimia Malaysia (JKM)
- e) Jabatan Veterinar (JV)
- f) Jabatan Standard Malaysia (SIRIM).

**b. Perintah Kastam (Larangan Mengimport) 1988**

Perundangan ini menerangkan bahawa mengimport semua daging dan ternakan ke Malaysia mesti halal. Oleh itu, mengimport susu dan produk susu lain, lemak unggas, lemak babi dan lain-lain adalah di bawah kawalan melalui perundangan ini.

**c. Perintah Binatang (Pengimportan) 1962**

Dalam perundangan ini menyatakan bahawa adalah semua daging dan ternakan yang diimport ke Malaysia mestilah mematuhi syarat-syarat, iaitu halal, selamat dan bebas daripada penyakit. Penguatkuasaan terhadap Undang-undang ini dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Bea dan Cukai di pintu masuk di Malaysia.

Walaupun kewujudan bahan tidak halal dinyatakan di logo sebagaimana disyaratkan dalam Peraturan Makanan 1985, namun mengatur pelbagai perkara yang berkaitan dengan pengeluaran makanan halal adalah tidak mencukupi syarat.

**d. Akta Kerajaan Tempatan 1976**

Dalam seksyen 20D (1) (a), (b) Undang-Undang Kecil Perlesenan Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 1995, mewajibkan ke atas pemegang lesen supaya peralatan yang digunakan untuk makanan tidak halal dicuci secara berasingan daripada penggunaan terhadap makanan halal. Peralatan yang digunakan untuk makanan yang tidak halal tidak boleh digunakan untuk penyediaan makanan yang halal, kernan ianya merupakan syarat yang mesti dipenuhi.

## 10. PEDOMAN DAN KOD AMALAN BERKAITAN DENGAN MAKANAN HALALAN TAYYIBAN DI MALAYSIA

### a. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

Pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai dalam mengenalpasti pengusaha makanan halal dan premis-premis makanan halal hendaklah merujuk kepada Manual Halal JAKIM sebagai garis panduan yang berkaitan dengan keperluan untuk menyediakan makanan halal di Malaysia. Perbincangan dalam kertas kerja ini, akan menfokuskan perbincangan yang berkaitan dengan perenggan 6. Yang termaktub di Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 meliputi pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan.

Manual ini menjadi rujukan bagi pengilang atau pengusaha makanan yang ingin memperolehi sijil halal di JAKIM. Jika berlaku kes yang melibatkan pemalsuan sijil dan menyalahgunakan penama sijil palsu tanpa melalui permohonan ke JAKIM, maka isu ini bukan bidang kuasa akan tetapi dibawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Penguatkuasaan dalam memantau pensijilan halal di Malaysia adalah satu cabaran bagi JAKIM yang perlu dikawal dari masa ke masa.

### b. Keperluan akan Garis Panduan Umum bagi Penyembelihan Haiwan dan Penyediaan dan Pengendalian Makanan Halal

Penyembelihan haiwan, penyediaan dan penyimpanan makanan halal telah dikeluarkan oleh JAKIM amat memerlukan garis panduan khusus. Semua institusi yang terlibat dalam memproses makanan halal perlu mematuhi garis panduan ini. Syarikat-syarikat di luar Malaysia, jika perlu membuat export produk ke Malaysia juga perlu mematuhi perkara ini. Panduan ini merupakan satu keperluan kebersihan GMP, yang mana perlu mengambil perhatian tentang kebersihan juga untuk dijadikan sebagai garis panduan bersama

## 11. KESIMPULAN

Makanan dan minuman adalah satu rangkaian yang tidak dapat dipisahkan satu sama lain dan merupakan keperluan manusia dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Penentuan makanan dan minuman tertakluk pada halal dan haram statusnya untuk digunakan oleh pengguna. Gunapakai makanan dan minuman mesti sah di sisi syariah dan perundangan

makanan halal di Malaysia. Dari segi syariah, telahpun dijelaskan prinsip *Halalan Tayyiban* melalui sumber rujukan Al-Quran, hadith, ijma dan qiyas dan juga para empat imam mazhab. Manakala dari segi perundangan adalah melalui akta, manual JAKIM dan standard Malaysia yang menjelaskan terhadap sistem pengurusan halal. Kedua-dua segi perlu dirujuk untuk melindungi pengguna dan menjaga integriti *Halal Tayyiban* dilaksanakan berterusan sepanjang proses produk dijalankan. Kawal selia mesti dilakukan terutama sekali ketika berhadapan dengan isu-isu yang menjelaskan produk halal, seperti isu pemalsuan sijil halal.

### 13. RUJUKAN

- Al-Baihaqi, Ahmad ibn al-Husain ibn Ali ibn Musa Abu Bakr. (t.th.). *al-Sunan al-Kubra*. Al-Muhaqqiq: Muhammad Abd al-Qadir Ata'. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nadwi, Ali Ahmad. (1994). *Al-Qawaaid al-Fiqqiyah*. Dimashq: Dar al-Qalam
- Al-Qardawi, Yusuf. (1993). *Min Hadi al-Islam Fataawa al-Muasirah*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa.
- Al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa Abu Isa al-Salmi. (t.th.). *Sunan al-Tirmizi*. Jil. 4. Tahqiq: Ibrahim Atwah Awwad. Mesir: Sharikat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimasq: Dar al-Fikr.
- Ab Halim, Mustafa Afifi dan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2012). The possibility of uniformity on halal standards in Organization of Islamic Countries (OIC) country. *World Applied Sciences Journal*. 17: 6-10. [https://www.idosi.org/wasj/wasj17\(TTHTA\)12/2.pdf](https://www.idosi.org/wasj/wasj17(TTHTA)12/2.pdf)
- Ab Halim, Mustafa Afifi dan Mohd Salleh, Mohd Mahyeddin. (2018). Peranan JAKIM dan JAIN dalam kes yang melibatkan penyalahgunaan label halal pada produk makanan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Vol. 6, No. 2. <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjsl/article/view/143>
- Ab Halim, MA & Mohd Salleh MM. (2020). Consumer rights in Halal products: A study based on legal and Syariah perspectives. *Food Research* 4 (Suppl. 1): 281-290. [https://www.myfoodresearch.com/uploads/8/4/8/5/84855864/\\_35\\_fr-2019-s31\\_ab\\_halim\\_3.pdf](https://www.myfoodresearch.com/uploads/8/4/8/5/84855864/_35_fr-2019-s31_ab_halim_3.pdf)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Perihal Dagangan 2011.
- Anas Bin Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik, Mahani Binti Mohamad. (2010). *The concept of Halalan Tayyiba and Its Application in Products Marketing; A Case Study at Sabasunn HyperRuncit Kuala Terengganu, Malaysia*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Awan, J.A. (1988). Islamic Food Laws-I: Philosophy of the Prohibition of Unlawful Foods. *Science and Technology in Islamic World*, 6 (3): 151-165.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Abu Abdillah ibn Abi Bakr. (t.th). *A'lam al-Muwaqqi'in an Rabb al-Alamin*. Mesr: Maktabat al-Kulliyyah al-Azhariyyah.

*Kamus Dewan*. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liow, Joseph Chiyong. (2009). *Piety and Politics*. USA: Oxford University Press.

*Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik)*. 2020. Putrajaya: JAKIM.

*al-Mawsu'ah al-Fiqqiyyah al-Kuwaitiyyah*. 1410H. Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.

Muslim, ibn al-Hujjaj Abu al-Hasan al-Qushairi al-Nisaburi. (t.th.). *Sahih Muslim*, jil. 3. Al-Muhaqqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.

*MS (Malaysian Standard) 1500: 2009. Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan – Garis Panduan Umum (Semakan Kedua)*. Cyberjaya: Department of Standards Malaysia.

*Munjid al-Tulab*. 1987. Beirut: Dar al-Mashriq.

OIC. (2009). *General Guidelines on Halal Food*. The Organization of The Islamic Conference (OIC), [diakses pada 23 Disember 2021].

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Setiyawan Gunardi, Mohd Soberi Awang, Mohd Mahyeddin Hj Mohd Salleh, Mustafa 'Afifi Ab.Halim. 2021. Panduan Makanan Dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah Dan Perundungan Malaysia. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 (SAIS2021)*, hlm. 294-308. Nilai: USIM Press.

Surianom Miskam, Norziah Othman, Nor Adha Ab. Hamid. (2015). *War 11 An Analysis of the Definition of Halal: Shariah VS Statutes*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi.

Wahab, Ahmad Robin. (2004). *Guidelines for The Preparation of Halal Food and Goods for The Muslim Consumers*. Putrajaya: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia-JAKIM.

Zakiah Samori, Amal Hayati Ishak, and Nurul Himmah Kassan. (2014). Understanding the Development of Halal Food Standard: Suggestion for Future Research. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 4, No. 6: 3.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*